

PEMBENTUKAN FAKTOR MODAL INSAN DAN DAYA SAING DALAM KALANGAN USAHAWAN WANITA BUMIPUTERA

**Nor Azira Ayob¹⁾, Sity Daud²⁾,
Muhamad Takiyuddin Ismail³⁾, Rasyidin^{4*)}**

¹⁾ Studen Ph.D daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

^{2, 3)} Dosen Studen Ph.D daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

⁴⁾ Dosen Fakultas Ekonomi Universitas Malikussaleh Lhokseumawe

*) Email: m_rasyidin@yahoo.com

ABSTRACT

Human resource development of their skills, abilities, creativity and talent are the factors contained in human capital as well as competitiveness aspect. Hence, the emphasis on human capital development and competitiveness aspect is important to become a good leader for family, community and country. It also important in ensuring entrepreneurs can compete in market economy today and they are able to meet customer demand. In the context of socio-economic development of a country, women can contribute in improving the country's economy through Small and Medium Enterprises (SMEs). However, the participation of women in SMEs is still less than men. Thus, emphasisment on the factors that are able to contribute in improving human capital and competitiveness of women is important. This is because, the right factor will enable the government carried out in accordance with the factors that have been identified. In obtaining the factors contribute to human capital development, the survey method was conducted on 145 respondents among Bumiputera women entrepreneurs in Melaka state and support with qualitative data form 10 informants. The findings through exploratory factor analysis found that there are four main factors that contribute to human capital development among Bumiputera women entrepreneurs is education and training, experience, social support and creativity, while three main factors that contribute to competitiveness among Bumiputera women entrepreneurs is financial assistance, facilities and infrastructure and commitment. Thus, the government is advised to emphasize education and training also financial assistance to improve their abilities on human capital and competitiveness and the appropriate support to meet women entrepreneurs needs.

Key words: Human Capital; Competitiveness; Bumiputera Women Entrepreneur, Factor Analysis

1. Pendahuluan

Secara umum, terdapat empat faktor utama pengeluaran yaitu tanah, buruh, modal dan usahawan yang berfungsi dalam

menghasilkan pengeluaran atau produk yang seterusnya akan mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun keempat-empat faktor tersebut merupakan faktor utama dalam pengeluaran, namun, faktor usaha-

wan dilihat sebagai faktor terpenting yang mampu untuk menggabungkan keseluruhan faktor pengeluaran tersebut kepada strategi-strategi atau usaha perniagaan bagi menghasilkan faedah ekonomi dan keuntungan. Justeru itu, aspek pembangunan modal insan dan daya saing adalah sangat diperlukan bagi memupuk sikap keusahawanan dalam diri individu dan seterusnya akan dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang mampu untuk memberikan kesan positif kepada masyarakat dan negara serta mampu bersaing dalam pasar yang sehat.

Di Malaysia, pembangunan usahawan wanita dilihat masih kurang menyerlah berbanding golongan lelaki. Kenyataan ini disokong oleh statistik dari pada Jabatan Perangkaan Malaysia (2013) yang mana jumlah usahawan di Malaysia sebanyak 2.22 juta dari pada 10.66 juta penduduk bekerja dengan taburan usahawan lelaki sebanyak 25.2 persen dan usahawan wanita sebanyak 13.1 persen saja. Jika dibandingkan dengan usaha yang telah dilakukan di negara barat seperti Amerika atau Kanada dalam pengeluaran produk hasil daripada usahawan wanita, dapat dilihat bahwa Malaysia masih lagi jauh ketinggalan. Kajian tentang pembangunan usahawan wanita di negara ini juga dilihat masih kurang. Walaupun terdapat beberapa kajian yang berkaitan usahawan wanita yang telah dilakukan sebelum ini, namun kebanyakan kajian tersebut adalah lebih menjurus kearah melihat sikap usahawan wanita itu sendiri (Norsidah 1999; Tee Kee Pei 2000; Thuwaibahet al. 2007), dan juga berkaitan kesedaran wanita dalam menggeluti bidang keusahawanan (Norbaiti & Ghazali 2010). Namun, aspek tentang bagaimana memupuk sikap keusahawanan dan juga kesedaran dalam terjun di bidang keusahawanan itu sendiri masih kurang diperhatikan dengan lebih mendalam.

Justeru, bidang perniagaan dan keusahawanan adalah antara bidang yang mampu untuk menjana keuntungan yang lumayan, menyumbang kepada peningkatan pendapatan perkapita, malah turut bertindak sebagai mekanisma perubahan kepada struktur sosial masyarakat dengan keupayaan untuk membuka peluang pekerjaan disamping mampu untuk mengurangkan masalah kemiskinan (Isma Addi & Mohamad Zahir 2011; Rahmah 2012; Rosman & Mohd Rosli 2011; Suhaila et al. 2014). Oleh karena itu, pening-

katan dalam bidang keusahawanan dilihat akan mampu memberikan kesan yang positif dalam pembangunan ekonomi negara. Bagi mewujudkan percambahan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan, aspek modal insan dilihat perlu diterapkan bagi memupuk sikap keusahawanan dalam diri individu terutamanya dalam kalangan wanita Bumiputera bagi mencapai maksud untuk membentuk jati diri seorang usahawan yang mampu bertahan kukuh dan berjaya di dalam bidang tersebut. Justeru, seseorang pengusaha perlu mempunyai faktor modal insan dan daya saing, kreatif dan inovatif bagi memenuhi permintaan pelanggan yang pelbagai dan berusaha dalam menghasilkan serta menawarkan produk atau perkhidmatan yang berkualiti seterusnya mampu memenangi hati pelanggan. Pengusaha perlu sentiasa bersedia dalam menghadapi persaingan yang semakin mencabar masa kini.

Oleh karena itu, penentuan faktor penentu dalam membentuk modal insan dan daya saing dalam diri usahawan wanita perlu diperincikan dengan lebih teliti, agar usaha kearah itu dapat dilaksanakan dengan lebih jitu dan berkesan. Bagi mencapai matlamat tersebut, analisis faktor penerokaan terhadap aspek modal insan dan daya saing dilakukan terhadap pengusaha wanita yang berdaftar di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Melaka bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan modal insan dan daya saing dalam diri usahawan wanita.

2. Kajian Teoritis

Modal Insan Dan Daya Saing

Shultz (1960) menonjolkan istilah insan sebagai jati diri manusia itu sendiri dan ia dianggap sebagai modal kerana ia merupakan sumber kepuasan dan pulangan keuntungan akan datang. Dalam proses pembangunan negara, modal material merupakan faktor paling penting seperti wang, tanah, kilang dan prasarana. Walau bagaimanapun, tanpa modal insan iaitu manusia, modal material tidak mampu untuk diadakan dan ditambah nilai (Ahmad Fazullah, Jamal Rizal dan Hasnah 2007). Dalam hal ini, pembangunan insan membawa maksud memperkasakan insan sebagai individu manakala modal insan merupakan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang. Bagaimanapun, terdapat perbeza-

an dari segi kualiti seseorang yang mana boleh ditambah baik melalui pelaburan dari aspek pendidikan dan latihan, pengalaman yang dimiliki, daya kreativiti serta sokongan yang diperolehi yang bukan sahaja dapat memberi kesan positif kepada seseorang malahan terhadap organisasi, majikan serta pasaran ekonomi. Justeru, dengan kemahiran dan pendidikan yang dimiliki akan menjadikan seseorang itu lebih berpengetahuan dan kreatif. (Becker 1964; 1994).

Kajian terdahulu mendapati terdapat hubungan yang positif antara pencapaian modal insan seseorang dengan tingkat pendapatan dan kejayaan mereka (Rahmah 2012; Norain&Nooriah 2012; Rosman & Mohd Rosli 2011; Hansen & Knowles 1997; Murthy & Chien 1997; Baro & Lee 1996; Pritchett 1996).

Pendidikan dan Latihan

Dalam pembangunan modal insan, pendidikan dan latihan dapat meningkatkan produktiviti pekerja dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan bagi tujuan pendidikan dan latihan adalah dianggap sebagai pelaburan terhadap pembangunan insan dan mampu meningkatkan produktiviti individu serta perolehan atau upahnya (Schultz 1960; Becker 1964; Rahmah 2012). Bruwer & Haydam (1996), Hewlett (2002), Fernandez et al. (2000) dan Ishak (2003) turut menjelaskan bahwa pelaburan perbelanjaan ke atas pendidikan formal, latihan semasa bekerja akan mampu meningkatkan kualiti seseorang pekerja. Kesan sesuatu pelaburan modal insan tersebut dapat mempengaruhi prestasi dan kejayaan sesebuah perusahaan khususnya dari segi peningkatan produktiviti dan keuntungan perniagaan (Garcia 2005; Nedrum & Eriksson 2001; Fernandez et al. 2000). Kebanyakan kajian ini bersetuju bahwa apabila pencapaian modal insan, terutamanya pendidikan dan latihan yang diberikan dengan saksama akan mewujudkan kedudukan agihan pendapatan dalam kalangan masyarakat bertambah baik. Green dan Haines (2012) menyatakan terdapat dua jenis latihan yang dititikberatkan dalam pembangunan modal insan iaitu latihan khusus yang mempunyai kaitan dengan bidang kerja dan juga latihan umum yang lebih menyeluruh. Keperluan latihan boleh dikaitkan dengan peningkatan kema-

hiran dalam bidang pekerjaan dan perusahaan yang dijalankan. Pekerja yang berkemahiran rendah lebih cenderung untuk kurang produktif dan dengan itu diberi ganjaran yang kurang dalam pasaran pekerjaan. Pelaburan dalam pembangunan modal insan berupaya meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah, mengatasi masalah kemiskinan dan sekaligus mewujudkan keadaan agihan pendapatan yang lebih seimbang (Katz & Murphy 1992; Lynch 1991). Di samping itu, pembentukan modal insan juga turut boleh memberi kesan positif kepada masyarakat dari segi kesan limpahan ilmu pengetahuan yang mewujudkan kesan luaran positif kepada penduduk sesebuah negara.

Pengalaman dan Sokongan Sosial Keluarga

Selain aspek pendidikan dan latihan, faktor pengalaman dan sokongan sosial dari pada keluarga terdekat merupakan faktor yang penting untuk dibincangkan dan mempunyai hubungan yang positif dengan kejayaan perusahaan (Rosman dan Mohd Rosli 2011; Noor Zalika 2013 dan Firdaus et al. 2009). Selain itu, Ma'rof, Abd Razak dan Nurfazreen Aina (2012) Norashidah et al. (2009); Rahmah (2012); Coulter (2003) dan Van Loo dan Rocco (2004) turut menyatakan bahwa faktor pengalaman dan sokongan sosial mempunyai hubungan yang positif dengan tingkat kejayaan seseorang. Pengalaman yang dimiliki oleh seorang pengusaha mampu menjadikan seorang usahawan itu menghadapi persaingan dengan pengusaha lain di samping, sokongan daripada pihak keluarga terdekat dalam sesebuah perusahaan mempengaruhi kejayaan dalam perniagaan. Raduan et al (2006) menyatakan bahwa terdapat hubungan positif antara faktor kejayaan hasil daripada sokongan keluarga sama ada berbentuk kewangan, bukan kewangan, sokongan tenaga atau moral daripada ahli keluarga terdekat. Fairlie & Robb (2007) turut bersependapat kurangnya sokongan daripada ahli keluarga terdekat dalam perusahaan turut mempengaruhi prestasi perusahaan yang diusahakan.

Kreativiti

Di samping itu, aspek kreativiti amat diperlukan dan menjadi keutamaan terutama dalam bidang perniagaan. Kecakapan dan kemahiran diperlukan oleh seseorang pengusaha bagi memastikan perusahaan yang di-

jalankan itu mencapai kejayaan dan memberi kepuasan kepada para pelanggan. Mohd Nor Hakim dan Mohd Rafi (2010), Mohd Nor Hidayat (2011) dan Wirtz dan Lovelock (2012) menyatakan bahwa kreativiti seseorang pengusaha merupakan satu proses dan aktiviti yang berhubungan dengan proses menciptakan sesuatu yang baharu (produk atau perkhidmatan) dan mampu memberi kepuasan kepada pelanggan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan tersebut. Pengusaha perlu sentiasa peka dengan keperluan dan keinginan pelanggan dan keadaan ini mampu menjadikan pengusaha lebih berjaya dan berdaya saing.

Selain aspek modal insan, faktor daya saing turut penting dalam menentukan kejayaan seseorang pengusaha. Menurut Yahya dan Norsiah (2006), kelahiran seseorang usahawan adalah perlu diberi perhatian dan dipupuk agar dapat terus memperoleh peluang, bersaing, mengembangkan perniagaan dan seterusnya mampu membuka peluang pekerjaan kepada mereka yang lain. Peranan kerajaan dan institusi dalam pembangunan usahawan adalah sangat dipentingkan. Ia adalah bagi melengkapkan seseorang pengusaha itu untuk menghadapi persaingan dalam pasaran dan mampu meneruskan perusahaan yang diusahakan. Banyak pihak perlu memainkan peranan dengan saling melengkapi dan menyediakan keperluan sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan agar pengusaha ini tidak mudah berputus asa dan gagal dalam persaingan. Dalam konteks pembangunan keusahawanan, usahawan Bumiputera sering kali terpinggir apabila mereka tidak mampu lagi untuk bersaing dalam pasaran yang lebih luas dan berada di luar kemampuan mereka. Pengusaha ini menghadapi masalah dari segi mendapatkan modal dan bantuan kewangan, kekurangan peralatan yang sempurna, kelemahan dari segi premis perniagaan yang tidak mempunyai kelengkapan yang baik, kekurangan pengalaman dan perhubungan, sikap pengusaha sendiri, kelemahan dalam memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan, apatah lagi untuk bersaing dengan pengusaha yang telah lama berpengalaman dan maju serta mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan masing-masing.

Justeru, dalam usaha untuk melahirkan seorang usahawan yang berdaya saing, ia seharusnya berteraskan kepada kecende-

rungan dan keinginan serta kemahuan seseorang itu untuk melaksanakan dan melakukan sesuatu tugas. Berdasarkan kepada konsep keusahawanan, ia adalah memerlukan ciri-ciri seperti kebolehan, kemampuan dan kecenderungan untuk mencari, mengenal dan merebut peluang-peluang perniagaan tanpa hanya melihat dan membiarkan peluang tersebut hilang. Oleh yang demikian, seseorang pengusaha yang ingin berjaya seharusnya mempunyai daya saing yang tinggi, kreatif dan inovatif serta mempunyai iltizam perniagaan yang tinggi untuk menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan pasaran serta berusaha memuaskan hati pelanggan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Mereka perlu membuat persediaan untuk menghadapi persaingan yang semakin mencabar dan menurut Muhamad (1993) konsep persaingan bukannya memusuhi lawan dengan melakukan sesuatu yang tidak sihat, malah lebih kepada proses penambahbaikan diri.

Oleh yang demikian, penekanan terhadap faktor modal insan terutamanya pendidikan dan latihan, pengalaman, sokongan sosial dan kreativiti adalah penting untuk dikaji di samping faktor daya saing seperti bantuan kewangan dan bukan kewangan serta iltizam perniagaan. Ini adalah kerana, penekanan terhadap faktor-faktor modal insan dan daya saing ini akan mampu meningkatkan kualiti hidup seseorang, keluarga dan seterusnya kepada masyarakat dan negara umumnya. Seorang pengusaha tidak akan berjaya sekiranya hanya berlandaskan kepada bakat semata-mata tanpa menekankan ilmu pengetahuan yang berterusan serta hanya mengharap bantuan daripada pihak kerajaan semata-mata tanpa usaha, mengabaikan aspek latihan, mempunyai daya kreativiti yang lemah serta tidak mendapat sokongan daripada pihak keluarga terdekat. Pembangunan modal insan dan daya saing bukan sahaja penting kepada pertumbuhan individu malahan kepada pertumbuhan masyarakat serta memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan memperkukuhkan faktor modal insan dapat menggalakkan peningkatan produktiviti negara, sekali-gus menjana pendapatan lebih baik di samping mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

3. Metodologi

Kajian berbentuk penerokaan ini menggunakan kedua-dua kaedah yaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Bermula dengan kaedah kualitatif, sejumlah 10 orang responden yang terdiri daripada 5 orang usahawan wanita dan juga 5 orang pegawai di Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditemubual secara bersemuka dengan menggunakan soalan yang berbentuk semi-struktur. Temubual terhadap 10 individu tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan penilaian mereka terhadap faktor yang membentuk modal insan dalam kalangan usahawan wanita, di mana hasil temubual tersebut kemudiannya akan membentuk tema dalam membina instrumen kajian yang akan digunakan pada pendekatan kuantitatif. Pelaksanaan temubual terhadap 10 orang responden tersebut dilihat bersesuaian kerana telah mengalami tahap ketepuan (*saturation*) di mana berlakunya pengulangan maklumat terhadap persoalan yang diajukan.

Dalam membentuk instrumen kajian bagi pendekatan kuantitatif, untuk aspek modal insan, selain dari pada hasil temubual, maklumat pembentukan instrumen juga diambil berdasarkan kepada analisis terhadap ulasan karya dan kajian terdahulu. Berdasarkan keseluruhan maklumat tersebut, sebanyak 28 item telah dibina dalam menentukan faktor yang dominan dalam menyumbang kepada pembentukan modal insan dan daya saing dalam kalangan usahawan wanita Bumiputera. Instrumen ini kemudian melalui proses kesahan muka dan kesahan kandungan serta penilaian kebolehpercayaan dengan nilai alfa cronbach (0.882) yang menunjukkan bahwa kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan memuaskan bagi aspek modal insan. Manakala, bagi daya saing menunjukkan nilai alfa cronbach (0.728) yang turut menyatakan bahwa kebolehpercayaan instrumen tinggi dan memuaskan.

Soal selidik yang mengandungi instrumen pula adalah terdiri daripada beberapa bagian. Antara bagian yang terdapat dalam soal selidik tersebut ialah maklumat peribadi dan juga maklumat berkenaan perusahaan yang dijalankan oleh responden. Bagi instrumen pembentukan modal insan dan daya saing, pengukuran dibuat dengan menggunakan skala likert berskala 5 di mana nilai 1 adalah (sangat tidak bersetuju) dan 5 (sangat


bersetuju). Senarai nama responden diperoleh daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) negeri Melaka dan soal selidik ini kemudian diedarkan kepada 180 orang usahawan wanita yang berdaftar dan hanya 145 soal selidik telah dikembalikan. Jumlah tersebut dilihat boleh diterima dan bersesuaian untuk dilaksanakan ujian analisis faktor penerokaan yang mana kes responden yang diterima berdasarkan jumlah item adalah melebihi nisbah 5:1 sebagaimana yang dinyatakan oleh Chua (2014) dan Hatcher, Stepanski dan O'Rourke (2005).

4. Hasil Penelitian dan Pembahasan

Hasil analisis terhadap data bagi instrumen pembentukan modal insan dalam kalangan usahawan wanita menunjukkan bahwa data yang diperolehi adalah berdistribusi normal dimana nilai *skewness* (-0.095) dan *kurtosis* (0.194) berada dalam lingkungan ± 1.96 . Selain itu, berdasarkan kepada ujian *Kaise-Meyer-Olkin* (KMO) menunjukkan nilai (0.56) yang mana nilai ini adalah lebih tinggi daripada 0.50, dan *Bartlett's Test of Sphericity* menunjukkan nilai yang signifikan, iaitu $p < 0.05$, yang membawa maksud bahwa item-item tersebut adalah mencukupi untuk dilakukan faktor analisis. Selain itu, hasil analisis terhadap data bagi instrumen pembentukan daya saing pula menunjukkan bahwa data yang diperolehi turut berdistribusi normal yang mana nilai *skewness* (0.085) dan *kurtosis* (0.062) berada dalam batas ± 1.96 . Uji *Kaise-Meyer-Olkin* (KMO) juga menunjukkan nilai (0.70) yang mana nilai ini adalah lebih tinggi daripada 0.50, dan *Bartlett's Test of Sphericity* menunjukkan nilai yang signifikan, yaitu $p < 0.05$, yang membawa maksud item-item tersebut adalah mencukupi untuk dilakukan faktor analisis.

Berdasarkan *graf scree plot* (Gambar 1 modal insan), menunjukkan bahwa terdapat empat (4) faktor yang paling dominan dalam menyumbang kepada pembentukan modal insan dalam kalangan usahawan wanita. Hasil uji *Rotated Component Matrix* berdasarkan kepada empat faktor tersebut, menunjukkan bahwa, daripada 28 item yang dibina, bagaimanapun hanya 17 item saja yang sesuai digunakan dalam menentukan faktor yang dikaji. Jadual (Tabel) 1 dalam lampiran menunjukkan jumlah N , nilai min dan juga sisihan piawai bagi setiap 17 item tersebut.


Berdasarkan hasil uji *Rotated Component Matrix*, empat faktor tersebut dilihat sesuai diletakkan di bawah tema pendidikan dan latihan, pengalaman, sokongan sosial dan kreativiti yang ditentukan berdasarkan kepada jenis item yang diperoleh. Disamping itu, tema yang dibina tersebut juga dilihat sesuai dengan hasil dapatan temubual dan juga analisis daripada ulasan karya. Jadual (Tabel) 2 pada lampiran, menunjukkan nilai muatan faktor (*factor loading*), *eigenvalue*, peratus *varians* dan *alfa cronbach* bagi setiap faktor modal insan yang diperolehi.



Gambar 1: Scree Plot Modal Insan

Berdasarkan kepada Tabel 2, keempat-empat faktor yang diperolehi mempunyai nilai eigenvalue yang lebih besar daripada 1 dan nilai peratusan varians untuk keempat-empat faktor tersebut menyumbang kepada 74.91 persen perubahan dalam pembentukan modal insan dalam diri usahawan wanita. Walaupun begitu, sumbangan perubahan yang paling besar adalah dari sudut faktor pendidikan dan latihan, dimana faktor ini menyumbang kepada 27.91 persen perubahan varians dalam membentuk modal insan dalam diri usahawan wanita. Faktor seterusnya yang turut memberikan sumbangan yang signifikan, adalah dari sudut faktor pengalaman, di mana ianya menyumbang sebanyak 21.04 persen perubahan varians, diikuti faktor sokongan sosial sebanyak 17.68 persen dan juga faktor kreativiti usahawan wanita itu sendiri iaitu sebanyak 8.28 persen. Justeru itu, berdasarkan kepada hasil analisis faktor penerokaan yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat faktor yang dominan dalam membentuk modal insan dalam kalangan usahawan wanita Melayu yaitu dari sudut pendidikan dan latihan, pengalaman, sokongan sosial dan juga kreativiti usahawan wanita itu sendiri.

Manakala, bagi aspek daya saing adalah turut berdasarkan kepada graf scree plot yang menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) faktor yang paling dominan dalam menyumbang kepada pembentukan daya saing dalam kalangan usahawan wanita. Hasil uji *Rotated Component Matrix* berdasarkan kepada tiga faktor tersebut, menunjukkan bahawa, dari pada 28 item yang dibina, hanya 21 item saja yang sesuai digunakan dalam menentukan faktor yang dikaji. Jadual (Tabel) 3 pada lampiran, menunjukkan jumlah *N*, nilai min dan juga sisihan piawai bagi setiap 21 item tersebut. Berdasarkan hasil uji *Rotated Component Matrix*, tiga faktor tersebut dilihat sesuai diletakkan di bawah tema bantuan kewangan, prasarana dan infrastruktur dan iltizam perniagaan yang ditentukan berdasarkan kepada jenis item yang diperolehi. Disamping itu, tema yang dibina tersebut juga dilihat sesuai dengan hasil dapatan temubual dan juga analisis daripada ulasan karya. Jadual/Tabel 4 menunjukkan nilai muatan faktor (*factor loading*), *eigenvalue*, peratus *varians* dan *alfa cronbach* bagi setiap faktor yang diperolehi.



Gambar 2: Scree Plot Daya Saing

Berdasarkan kepada Tabel 4, ketiga-tiga faktor yang diperolehi mempunyai nilai eigenvalue yang lebih besar dari 1 dan nilai peratusan varians untuk ketiga-tiga faktor tersebut menyumbang kepada 58.35 persen perubahan dalam pembentukan daya saing dalam diri usahawan wanita serta setiap item faktor mempunyai nilai kebolehpercayaan yang memuaskan iaitu atas daripada 0.50. Sumbangan perubahan yang paling besar adalah dari sudut faktor bantuan kewangan dimana faktor ini menyumbang kepada 28.91 persen perubahan varians dalam membentuk daya saing dalam diri usahawan wanita. Faktor seterusnya yang turut memberikan sumbangan yang signifikan, adalah dari sudut

faktor iltizam perniagaan, dengan menyumbang 19.14 persen perubahan varians, diikuti faktor prasarana dan infrastruktur sebanyak 10.3 persen. Justeru itu, berdasarkan kepada hasil analisis faktor penerokaan, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga faktor yang dominan dalam membentuk daya saing dalam kalangan usahawan wanita Bumiputera iaitu bantuan kewangan, iltizam perniagaan dan faktor prasarana dan infrastruktur.

Pembahasan

Modal insan dan daya saing merupakan elemen kritikal dalam mencapai misi nasional negara. Kekangan hasil daripada sikap seseorang menjadikan seseorang pengusaha menghadapi kegagalan dalam perusahaan yang diusahakan. Thuwaibah et al (2007), Salmah (2003) dan Tee Kee Pei (2000) mendapati faktor sikap adalah faktor yang paling mempengaruhi kejayaan usahawan wanita dalam perniagaan. Bagi pengusaha wanita, faktor ilmu pengetahuan yang tinggi bukan menjadi kayu ukur kepada kejayaan mereka dalam bidang perniagaan berbanding faktor pengalaman. Elemen yang penting adalah sikap, sokongan keluarga, keinginan serta usaha yang bersungguh-sungguh yang menentukan jatuh bangunnya perusahaan yang dijalankan oleh mereka di samping faktor kuat berusaha, kreatif, amanah dan bertanggungjawab adalah penyumbang kepada kejayaan perusahaan mereka dan jika aspek-aspek ini diabaikan ia boleh menyumbang kepada kegagalan perniagaan tersebut. Faktor pengalaman adalah faktor yang penting dalam memastikan seseorang pengusaha itu berjaya dalam aktiviti keusahawanan dan disokong oleh kebanyakan usahawan wanita melalui temu bual yang telah dijalankan.

Kesinambungan daripada itu, pembangunan modal insan menjadi fokus kepada pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, institusi, universiti dan firma menerusi pelbagai program latihan (Suhaila et al. 2014; Shuhairimi 2013; Gracia 2005). Aspek bantuan kerajaan dan pendidikan adalah memainkan peranan penting dalam memperkembangkan potensi individu dan berkeupayaan untuk meningkatkan modal insan dalam kalangan manusia. Setiap potensi individu boleh berkembang ke tahap cemerlang sekiranya di beri peluang yang secukupnya. Dari sudut latihan dan kemahiran, terdapat dua bentuk latihan yang dititikberatkan dalam

pembangunan modal insan iaitu latihan khusus yang mempunyai kaitan dengan bidang kerja dan juga latihan umum yang lebih menyeluruh. Latihan adalah amat diperlukan bagi meningkatkan kreativiti dan kemahiran seseorang di samping mampu meningkatkan pendapatan individu dengan kelayakan akademik dan latihan yang diikuti.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pihak kerajaan adalah disarankan untuk memberi penekanan terhadap faktor pendidikan dan latihan dengan menambah baik silibus dan menerapkan faktor keusahawanan dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat tertinggi, menggalakkan pelajar wanita untuk memulakan perniagaan bagi mendapatkan pengalaman berniaga dari peringkat sekolah. Di samping itu, memastikan pengusaha wanita mengikuti latihan dengan memperkenalkan latihan, kandungan latihan, kaedah latihan, ciri-ciri latihan, aktiviti latihan dan kos latihan yang tidak membebankan serta sesuai dengan keperluan usahawan wanita tersebut. Aktiviti latihan kepada golongan wanita adalah disarankan diadakan dalam jangka waktu yang pendek memandangkan kaum wanita mempunyai masa yang terhad di samping pengurusan keluarga yang lain.

Oleh yang demikian, inisiatif ke arah pembangunan modal insan menjadi teras utama dalam pelan pembangunan modal insan yang dilaksanakan. Ia adalah merangkumi pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai ilmu seperti keusahawanan dan teknologi maklumat. Pelaksanaan modal insan diterapkan menerusi pendidikan dan latihan, kreativiti dan inovasi serta sokongan sosial..

Selain itu, daya saing turut merupakan elemen yang penting dalam pembangunan dan menyumbang kepada kejayaan seseorang pengusaha. Peranan pihak kerajaan dalam menyediakan bantuan dari sudut kewangan dan bukan kewangan adalah sangat penting dan disarankan bagi meningkatkan kejayaan pengusaha bumiputera dalam menghadapi persaingan dalam pasaran masa kini. Kekangan hasil daripada sikap dan iltizam perniagaan yang kurang menjadikan seseorang pengusaha menghadapi kegagalan. Faktor kreativiti adalah penting untuk menjadikan sesebuah perusahaan itu mampu bersaing. Selain sikap pengusaha itu sendiri yang inginkan kejayaan mereka dengan usaha

untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, bantuan institusi juga adalah penting dalam memastikan kreativiti pengusaha semakin berkembang. Justeru aspek bimbingan dan nasihat daripada institusi adalah perlu. Dalam konteks keusahawanan, usahawan sentiasa berusaha untuk menjadikan mereka mampu bersaing dan memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan yang pelbagai masa kini. Justeru, dengan kerjasama kerajaan dan institusi terlibat adalah diperlukan. Para usahawan perlu melengkapkan diri dengan mengatur strategi sama ada sebagai usahawan tulen yang bersedia untuk menghadapi persaingan dan tidak terlalu mengharapkan bantuan kerajaan untuk berjaya. Bagaimanapun, usaha kerajaan adalah perlu untuk terus melahirkan usahawan yang berdaya saing dan mampu mempromosikan perubahan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pihak kerajaan adalah disarankan untuk memberi penekanan terhadap faktor bantuan kewangan, menyediakan kemudahan infrastruktur dan prasarana dan iltizam perniagaan yang merupakan inisiatif pengusaha sendiri dalam memastikan perusahaan yang diusahakan berjaya dan mampu bersaing dalam pasaran terbuka masa kini. Justeru, hasil dapatan kajian ini menunjukkan pembentukan faktor daya saing adalah terdiri dari tiga faktor utama iaitu bantuan kewangan, prasarana dan infrastruktur serta iltizam perniagaan. Dengan penekanan terhadap faktor-faktor ini adalah dilihat mampu untuk menyumbang kepada kejayaan pengusaha wanita Bumiputera. Kesan limpahan ilmu dan daya saing yang dimiliki mampu dikongsi dengan masyarakat sekeliling dengan mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada yang memerlukan serta memberi kesan positif kepada pembangunan dan ekonomi negara sekaligus.

Hasil dapatan daripada sudut kuantitatif yang diperoleh adalah disokong oleh hasil dapatan temu bual bersama informan utama yang menyatakan bahawa faktor-faktor yang membentuk dan menyumbang kepada kejayaan adalah dari aspek modal insan dan daya saing seperti yang terlihat dalam Jadual 5. Kaedah temubual ini adalah bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan kuantitatif dan menjelaskan hasil dapatan dengan lebih jelas dan terperinci. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan hasil daripada temu bual

bersama informan telah turut membentuk tema terhadap faktor-faktor modal insan dan daya saing seperti yang terlihat dalam Jadual 5 tersebut.

5. Simpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti bahawa faktor-faktor yang membentuk kepada aspek modal insan dan daya saing dalam kalangan usahawan wanita Bumiputera. Kajian mendapati aspek modal insan dan daya saing adalah penting dalam menyumbang kepada prestasi perusahaan yang baik dengan faktor individu dan ditambah dengan peranan institusi dalam meningkatkan daya saing dalam kalangan pengusaha wanita.

Hasil kajian ini adalah diharapkan akan dapat memberi pemahaman yang lebih luas tentang ilmu yang berkaitan dengan ekonomi politik dan keusahawanan serta peranan institusi dalam meningkatkan kejayaan usahawan wanita dalam sektor PKS. Pemahaman ini akan dapat mewujudkan iklim dan persaingan yang sihat, adil serta kesamarataan antara gender serta kaum. Justeru, berdasarkan kepada hasil kajian ini, terdapat beberapa aspek yang boleh dikaitkan dengan bidang ekonomi politik dan analisis dasar yang seterusnya dapat meningkatkan tahap kejayaan usahawan dalam aktiviti keusahawanan. Peranan institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pembangunan usahawan Bumiputera adalah perlu ditekankan bagi memastikan pengusaha dapat bersaing dalam persekitaran yang sihat dan mencabar masa kini.

Daftar Pustaka

- Ahmad Fazullah Mohd Zainal Bidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussiin. (2007). *Modal Insan Konsep, Aplikasi dan Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerintahan Tamadun Insan*. Universiti Malaysia Pahang.
- Barro, R.J. and Lee, J.W. (1996). International Measures of Schooling Years and Schooling Quality, *American Economic Review*, May, 80, 218-228.
- Bates, T. (1990). Entrepreneur Human Capital Inputs and Small Business Longevity. *The Review of Economics and Statistics*. 72(4), 303-520.

- Becker, G. (1994). *Human Capital: A Theoretical And Empirical Analysis With Special Referenceto Education*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Edisi Kedua*. Malaysia: McGraw Hill.
- Coulter, M. (2003). *Entrepreneurship in Action*, New Jersey: Prentice Hall.
- Fernandez, E. & Mauro, P. (2000). The role of Human Capital in Economic Growth: The Case of Spain. *IMF Working Paper*.Wp/1000/8: 1-27.
- Firdaus Abdullah, Jamil Hamali, Abdul Rahman Deen, Gluma Saban dan Abg Zainoren Abg Abdurahman. (2009). Developing a framework of success of Bumiputera entrepreneurs. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*. Vol. 3 No. 1, 2009pp. 8-24.
- Garcia, M.U. (2005). Training and Business Performance: The Spanish Case. *International Journal of Human Resources Management*, 16(9), 1961-1710.
- Green, G. P., & Haines, A. (2012). *Asset building and community development* (3rd ed.). Sage publications.
- Hansen, P. & Knowles, S. (1997). Human Capital and Return to Scale, *Journal of Economic Studies*, 25, 118-123.
- Hatcher L., O'Rourke. N., Stepanski. E. J. (2005). *A Step-by-Step Approach to Using SAS for Univariate & Multivariate Statistics*. SAS Institute Inc., Cary, NC USA
- Hewlett, R. (2002). Integrating Human Capital Concepts in Productivity and Growth Topics. *Journal of Management Research*, 2(1), 26-34.
- Ishak Yussof. (2003). Pelaburan Pendidikan Tinggi: Analisis Perbandingan IPTA-IPTS Di Malaysia. *Journal Pendidikan*. (28) 33-46.
- Isma Addi Jumbri & Mohamad Zahir Zainudin. (2011). Pembangunan Modal Insan dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 4 No. 2: 41-56
- Lynch, I.M. (1991). The Role of Off-the-job Training Versus On-the-job Training for the Mobility of Women Workers, *American Economic Review*, 81(2), 151-156.
- Ma'rof Redzuan, Abd Razak Abd Rahman dan Nurfazreen Aina Muhamad Nasharudin. (2012). Pembentukan Keupayaan Individu Dalam Kalangan Usahawan Wanita Industri Kecil. *Jurnal Akademika* 82 (1) 57-64
- Mohd Nor Hakim Yusoff, Mohd Rafi Yaacob. (2010). *Memula dan Mengurus Perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (Perniagaan Kecil dan Sederhana)*, Cetakan Pertama, Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Nor Hidayad Hambali. (2011). *Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor*, Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Murthy, N.R.V. & Chien, I.S. (1997). The Empirical of Economic Growth for OECD Countries: *Some New Findings*, *Economic Letter*, 55, 425-429
- Nedrum, L. & Erikson, T. (2001). Intellectual Capital: A Human Capital Perspective. *Journal of Intellectual Capital*, 2(2), 127-135.
- Noor Zalika Mahmad Zuki. (2013). *Cabaran dan Halangan Membangunkan Usahawan Bumiputera Berjaya*. Kedah.
- Norain Mat Lazim & Nooriah Yusof. (2012). Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities*. UKM. Vol 7.No.2.
- Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Noraishah Buang. (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1), 187-204.
- Norbaiti Tukiman & Ghazali Semil @ Ismail. (2010). *Cabaran dan Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Bumiputera Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Negeri Melaka*. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Norsidah Ahmad. (1999). "Kajian Mengenai Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan Usahawan-usahawan Wanita Melayu Di Lembah Kelang." Universiti Kebangsaan Malaysia : Projek Sarjana Muda.

- Pritchett, L. (1996). Where has all the Education Gone? *World Bank Working Paper*, No.1581, World Bank, New York.
- RaduanChe Rose, Kumar, Naresh& Lim, Li Yen. (2006). Entrepreneur success factors and escalation of small and medium-sized enterprises in Malaysia. *Journal of Social Sciences*, 2(3), 74-80.
- Rahmah Ismail. (2012). *Modal Manusia Dalam Pembangunan Ekonomi Memacu Produktiviti dan Daya Saing*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rosman Mahmood & Mohd Rosli Mohamad. (2011). *Perusahaan Kecil dan Dilema usahawan Melayu*. Penerbit, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Salmahbt. Hj. Yaacob. (2003). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Usahawan Bumiputera Mengembangkan Perniagaan di Bandar Seremban, Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Shuhairimi Abdullah. (2013). *Peranan MARA dalam Memperkasa Usahawan*.Universiti Malaysia Perlis. Pencetus Warisan Minda. UniMAP Edisi XXIV.
- Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin & Muhammad Firdaus Muhammad Sabri. (2014). Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kejayaan dan Kegagalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera Di Malaysia. *e-Prosiding*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 191-200.
- Tee Kee Pei. (2000). *Kajian Penerokaan Terhadap Faktor Yang Mendorong Wanita Menceburi Dalam Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.
- Thuaiabah@suaibah Bakar, Azlah Md Ali, Rozeyta Omar, Hishamuddin Md Som, Syaharizatul Noorizwan Mukhtar. (2007). *Penglibatan Kaum Wanita dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Baru.
- Wirtz.J., C.Patricia& C. Lovelock. (2012). *Essential of Service Marketing*. Singapore: Pearson.
- Yahaya Ibrahim &Norsiah Ahmad. (2006). Keusahawanan dan Daya Saing Usahawan Melayu di Sektor Pelancongan. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol 17, 16-33

Riwayat Penulis:

Nor Azira binti Ayob adalah pelajar PhD daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari pusat Sains Politik dan sedang menjalankan kajian keusahawanan dan berada dalam semester ke-lima.

Sity Daud merupakan Profesor Madya Dr. di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan Pengerusi Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi dan mempunyai kepakaran dalam bidang Sains Politik, Keusahawanan dan Ekonomi Politik.

Muhamad Takiyuddin bin Ismail (Dr.) merupakan Profesor Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan Ketua Program Sains Politik dan mempunyai kepakaran dalam bidang Sains Politik.

Rasyidin (Dr.) merupakan Associate Professor di Universitas Malikussaleh di Indonesia yang memiliki kepakaran dalam bidang kajian Gender, ekonomi politik dan Sains Politik.

Lampiran:

Jadual (Tabel) 1: Nilai Min dan Sisihan Piawai Maklum Balas Responden Bagi Modal Insan

No	Item	N	Min	SP
1.	Saya sering membaca bahan-bahan berkaitan keusahawanan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam perniagaan.	145	4.03	.617
2.	Pendidikan yang tinggi dalam bidang keusahawanan akan meningkatkan kejayaan usahawan.	145	3.77	.797
3.	Program Latihan yang diikuti telah memberi kesan positif ke atas produktiviti perniagaan.	145	4.08	.646
4.	Latihan tentang teknik-teknik pemasaran mampu meningkatkan prestasi perusahaan.	145	3.94	.789
5.	Saya lebih berkeyakinan untuk menjalankan perusahaan yang diusahakan dengan adanya pendidikan berkaitan keusahawanan.	145	3.99	.759
6.	Kejayaan perusahaan yang diusahakan adalah dipengaruhi oleh faktor latihan.	145	4.05	.569
7.	Saya mempunyai pengalaman berkaitan aktiviti keusahawanan.	145	4.21	.470
8.	Pengalaman dalam perniagaan yang saya miliki memudahkan saya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.	145	3.78	.803
9.	Saya mempunyai pengalaman yang khusus dengan bidang perniagaan yang diceburi	145	3.81	.827
10.	Pengalaman sepanjang menjalankan perusahaan mampu membantu meningkatkan keyakinan diri dalam menguruskan perniagaan	145	3.86	.522
11.	Saya mempunyai pengalaman berniaga sebelum melibatkan diri dalam perusahaan	145	4.08	.520
12.	Sokongan daripada pihak kerajaan (MARA) meningkatkan lagi semangat saya dalam mengembangkan perniagaan saya.	145	3.81	.920
13.	Saya mendapat sokongan moral dari ahli keluarga terdekat.	145	4.10	.569
14.	Saya mendapat kepercayaan daripada semua pihak (Keluarga/rakan/pesaing/pelabur).	145	4.20	.508
15.	Sokongan moral merupakan faktor yang sangat penting untuk kelangsungan perusahaan yang diusahakan.	145	4.09	.513
16.	Program latihan daripada kerajaan (MARA) adalah penting untuk meningkatkan kreativiti bagi mengembangkan perusahaan yang dijalankan.	145	4.31	.465
17.	Kreativiti dalam perniagaan diperlukan bagi meningkatkan inovasi produk dalam perniagaan	145	4.01	.754

Tabel 2: Analisis Faktor Penerokaan Faktor Modal Insan Berdasarkan *Rotated Component Matrix*

Item	Pendidikan dan Latihan	Pengalaman Perniagaan	Sokongan Sosial	Kreativiti
Saya sering membaca bahan-bahan berkaitan keusahawanan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam perniagaan.	.831			
Pendidikan yang tinggi dalam bidang keusahawanan akan meningkatkan kejayaan usahawan.	.728			
Program latihan yang diikuti telah memberi kesan positif ke atas produktiviti perniagaan.	.886			
Latihan tentang teknik-teknik pemasaran mampu meningkatkan prestasi perusahaan.	.876			
Saya lebih berkeyakinan untuk menjalankan perusahaan yang diusahakan dengan adanya pendidikan berkaitan keusahawanan.	.868			
Kejayaan perusahaan yang diusahakan adalah dipengaruhi oleh faktor latihan.	.610			
Saya mempunyai pengalaman berkaitan aktiviti keusahawanan.		.819		
Pengalaman dalam perniagaan yang saya miliki memudahkan saya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.		.791		
Saya mempunyai pengalaman yang khusus dengan bidang perniagaan yang diceburi.		.752		
Pengalaman sepanjang menjalankan perusahaan mampu membantu meningkatkan keyakinan diri dalam menguruskan perniagaan.		.707		

Saya mempunyai pengalaman berniaga sebelum melibatkan diri dalam perusahaan.				.827
Sokongan daripada pihak keluarga terdekat meningkatkan lagi semangat saya dalam mengembangkan perniagaan.				.802
Saya mendapat sokongan moral dari ahli keluarga terdekat.				.845
Saya mendapat kepercayaan daripada semua pihak (Keluarga/rakan/pesaing/pelabur).				.854
Sokongan moral merupakan faktor yang sangat penting untuk kelangsungan perusahaan yang diusahakan.				.720
Program latihan adalah penting untuk meningkatkan kreativiti bagi mengembangkan perusahaan yang dijalankan.				.814
Kreativiti dalam perniagaan diperlukan bagi meningkatkan inovasi produk/perkhidmatan dalam perniagaan.				.816
<i>Eigenvalue</i>	4.74	3.58	3.00	1.41
<i>% of Variance</i>	27.91	21.04	17.68	8.28
<i>Alfa Cronbach</i>	.891	.839	.841	.653

Jadual (Tabel) 3: Nilai Min dan Sisihan Piawai Maklum Balas Responden Bagi Daya Saing

No	Item	N	Min	SP
1.	Bantuan kewangan merupakan aspek utama yang diperlukan oleh pengusaha untuk berjaya.	145	4.06	.598
2.	Bantuan kewangan permulaan yang mencukupi untuk memulakan perniagaan adalah amat penting bagi meningkatkan daya saing pengusaha.	145	4.04	.512
3.	Bantuan kewangan adalah perlu untuk mengembangkan perniagaan yang sedang diusahakan.	145	4.18	.403
4.	Bantuan kewangan yang berterusan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.	145	4.01	.540
5.	Tanpa bantuan kewangan daripada pihak kerajaan akan menjadikan saya tidak mampu untuk bersaing.	145	3.68	.482
6.	Pihak kerajaan (MARA) mudah memberi bantuan kewangan untuk urusan mengembangkan perniagaan dan perusahaan.	145	4.10	.397
7.	Saya menggunakan modal sendiri untuk mengembangkan perniagaan atau perusahaan yang dijalankan	145	3.99	.391
8.	Produk atau perkhidmatan yang saya tawarkan mendapat permintaan yang lebih tinggi daripada ramai pengguna/pelanggan	145	3.99	.220
9.	Saya sentiasa berusaha memberi layanan yang terbaik untuk memenangi hati pengguna/pelanggan.	145	4.14	.353
10.	Saya amat mementingkan kepuasan pengguna/pelanggan terhadap barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan.	145	4.08	.276
11.	Kos yang dikenakan terhadap pengguna/pelanggan saya adalah berpatutan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan	145	4.10	.296
12.	Produk/perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa diperbaharui untuk memenuhi kehendak pengguna/pelanggan	145	4.08	.266
13.	Saya mempunyai sifat amanah yang tinggi terhadap semua pihak (diri sendiri, perniagaan dan pengguna/pelanggan).	145	4.32	.484
14.	Saya menggunakan modal yang diberikan untuk tujuan perniagaan sahaja.	145	4.05	.245
15.	Saya sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima maklum balas (cadangan, teguran atau kritikan) terhadap perniagaan saya.	145	4.15	.360
16.	Saya sering memperuntukkan masa lebih daripada 8 jam sehari di premis/tempat perniagaan.	145	4.08	.374
17.	Saya mempunyai semangat (keazaman, kesungguhan dan ketekunan) yang tinggi dalam menghadapi cabaran atau kegagalan.	145	4.08	.266
18.	Kemudahan premis perniagaan yang disediakan oleh agensi kerajaan (MARA) mampu meningkatkan daya saing.	145	4.09	.539
19.	Kemudahan pengangkutan yang diberikan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.	145	4.03	.545
20.	Bantuan prasarana secara berterusan diberikan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.	145	4.21	.516
21.	Bantuan prasarana yang diberikan dapat meningkatkan motivasi dalam meneruskan perusahaan yang dijalankan agar berdaya saing	145	3.94	.266

Jadual (Tabel) 4: Analisis Faktor Penerokaan Faktor Daya Saing Berdasarkan
Rotated Component Matrix

Item	Bantuan Kewangan	Iltizam Perniagaan	Prasarana dan Infrastruktur
Bantuan kewangan merupakan aspek utama yang diperlukan oleh pengusaha untuk berjaya.	.841		
Bantuan kewangan permulaan yang mencukupi untuk memulakan perniagaan adalah amat penting bagi meningkatkan daya saing pengusaha.	.928		
Bantuan kewangan tambahan adalah perlu untuk mengembangkan perniagaan yang sedang diusahakan	.881		
Bantuan kewangan yang berterusan mampu meningkatkan daya saing pengusaha..	.892		
Tanpa modal dan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan akan menjadikan saya tidak mampu untuk bersaing.	.428		
Pihak kerajaan (MARA) mudah memberi bantuan modal permulaan atau bantuan kewangan untuk urusan mengembangkan perniagaan dan perusahaan.	.890		
Saya menggunakan modal sendiri untuk mengembangkan perniagaan atau perusahaan yang dijalankan.	.825		
Produk atau perkhidmatan yang saya tawarkan mendapat permintaan yang lebih tinggi daripada ramai pengguna/pelanggan.		.442	
Saya sentiasa berusaha memberi layanan yang terbaik untuk memenangi hati pengguna/ pelanggan..		.723	
Saya amat mementingkan kepuasan pengguna/pelanggan terhadap barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan.		.621	
Kos yang dikenakan terhadap pengguna/pelanggan saya adalah berpatutan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.		.672	
Produk/perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa diperbaharui untuk memenuhi kehendak pengguna/pelanggan.		.653	
Saya mempunyai sifat amanah yang tinggi terhadap semua pihak (diri sendiri, perniagaan dan pengguna/pelanggan).		.568	
Saya menggunakan modal yang diberikan untuk tujuan perniagaan sahaja.		.564	
Saya sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima maklum balas (cadangan, teguran atau kritikan) terhadap perniagaan saya.		.590	
Saya sering memperuntukkan masa lebih daripada 8 jam sehari di premis/tempat perniagaan.		.696	
Saya mempunyai semangat (keazaman, kesungguhan dan ketekunan) yang tinggi dalam menghadapi cabaran atau kegagalan.		.657	
Kemudahan premis perniagaan yang disediakan oleh agensi kerajaan (MARA) mampu meningkatkan daya saing.			.834
Kemudahan pengangkutan yang diberikan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.			.523
Bantuan prasarana secara berterusan diberikan mampu meningkatkan daya saing pengusaha.			.530
Bantuan prasarana yang diberikan dapat meningkatkan motivasi dalam meneruskan perusahaan yang dijalankan agar berdaya saing.			.716
<i>Eigenvalue</i>	6.071	4.005	2.167
<i>% of Variance</i>	28.91	19.14	10.30
<i>Alfa Cronbach</i>	.924	.726	.582

Jadual (Tabel) 5: Pembentukan Tema Analisis Dapatkan Kualitatif (Modal Insan Dan Daya Saing)

Tema asas	Responden	Petikan responden
Pendidikan dan latihan	R1 (2015)	<i>Pendidikan sangat penting. Kalau tak ada pendidikan bagaimana hendak berkembang. Perlu ada ilmu untuk menghadapi pelbagai risiko mendatang. Latihan keusahawanan juga penting. Perlu mendapatkan ilmu sebagai usahawan dan dengan latihan akan mampu untuk berjaya dan berkongsi maklumat</i>
	R2 (2015)	<i>Tanpa pendidikan dan latihan, kestabilan perniagaan tidak mampu untuk diteruskan walaupun peniaga tersebut mempunyai pengalaman sebelumnya yang diwarisi. Teknologi dan kehendak pelanggan serta peredaran globalisasi perlukan pendidikan dan latihan yang sentiasa ditambahbaik dan berterusan</i>
	R8 (2016)	<i>Pendidikan dan latihan adalah sangat penting. Ia adalah seiring bagi memenuhi keperluan masa kini</i>
Pengalaman perniagaan	R3 (2015)	<i>Pengalaman adalah sangat penting terutamanya dalam bidang jahitan dan butik pakaian.</i>
	R4 (2015)	<i>Pengalaman sebelum berniaga adalah penting untuk berjaya</i>
	R1 (2015)	<i>Pengalaman sebelum berniaga adalah perlu dan penting sebelum menceburkan diri dalam perniagaan</i>
Sokongan Sosial	R5 (2015)	<i>Sokongan daripada ahli keluarga sangat penting terutamanya keluarga terdekat seperti suami dan anak-anak. Kalau tak ada sokongan, kita tidak akan mampu berjaya dan meneruskan perniagaan dengan baik</i>
	R6 (2015)	<i>Pihak MARA turut melibatkan pihak suami untuk menyertai seminar atau kursus yang ditawarkan kepada pihak isteri bagi memastikan mereka tahu perkembangan dan perusahaan yang diusahakan oleh isteri</i>
Kreativiti	R3 (2015)	<i>Kreativiti penting bagi menarik pelanggan berurusan dengan pengusaha</i>
	R4 (2015)	<i>Kreativiti adalah penting bagi berurusan dengan pelanggan dan memastikan pelanggan berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mengikut permintaan pelanggan</i>
	R2 (2015)	<i>Kreativiti adalah penting dalam aktiviti keusahawanan kerana tanpa kreativiti seseorang pengusaha itu akan ketinggalan dan pengusaha yang tidak mengikuti perkembangan semasa seperti kreativiti dalam menggunakan media massa untuk tujuan promosi juga akan turut ketinggalan</i>
	R9 (2015)	<i>Tanpa kreativiti seseorang pengusaha itu akan ketinggalan dan tidak mampu untuk bersaing dalam pasaran.</i>
Bantuan kewangan	R1 (2015)	<i>Bantuan kewangan daripada pihak kerajaan adalah sangat penting dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan.</i>
	R7 (2015)	<i>Bantuan kewangan turut penting dalam memastikan perniagaan yang diusahakan tersebut dapat berjalan dengan baik di samping menggunakan modal sendiri.</i>
	R5 (2015)	<i>Bantuan kewangan memang penting untuk berniaga.</i>
Iltizam perniagaan	R1 (2015)	<i>Minat dan strategi perniagaan adalah penting bagi seseorang pengusaha dalam berniaga. Tanpa minat akan menjadikan perusahaan yang diusahakan tersebut tidak akan berjaya dan kebolehan bersaing akan menjadi lemah</i>
	R3 (2015)	<i>Pengurusan pemasaran adalah perlu dalam perniagaan.</i>
	R10 (2015)	<i>Sifat amanah penting dalam berniaga dan perlu ada disiplin. Pengurusan masa adalah penting untuk berjaya</i>
Bantuan prasarana dan infrastruktur	R7 (2015)	<i>Peralatan yang sesuai seperti bantuan mesin-mesin dan peralatan kedai adalah diperlukan</i>
	R4 (2015)	<i>Memerlukan kedai yang mempunyai ruang masak dan makan yang berasingan</i>
	R5 (2015)	<i>Premis perniagaan yang strategik adalah sangat penting bagi seseorang pengusaha</i>